

17/10/2002

Ada rakyat Malaysia mengaku warga Filipina

KOTA KINABALU, Rabu - Jabatan Imigresen Sabah menjelaskan ada rakyat Malaysia yang ditahan ketika Ops Nyah III Bersepadu baru-baru ini mengaku sebagai warga Filipina secara sukarela.

Mereka berbuat demikian selepas gagal menunjukkan dokumen pengenalan serta gagal memberikan maklumat lengkap lain, termasuk latar belakang keluarga dan alamat kediaman ketika disoal siasat.

Pengarahnya, Datuk Abdullah Sani Sulaiman berkata, ia termasuk gadis remaja berusia 13 tahun yang mendakwa dirogol ketika ditempatkan di pusat tahanan sementara pendatang di Menggatal, dekat sini baru-baru ini.

Katanya, seperti beberapa tahanan lain yang ditahan sepanjang operasi, kerajaan mengambil keputusan menyerahkannya kepada pihak berkuasa Filipina untuk siasatan lanjut.

"Kes membabitkan gadis remaja ini yang kemudiannya disahkan rakyat Malaysia selepas menjalani ujian DNA bukan kali pertama, malah pernah berlaku membabitkan penduduk tempatan lain.

"Mereka ini dihantar ke sana atas kemahuan sendiri selepas mendakwa sebagai rakyat asing apabila gagal menunjukkan dokumen pengenalan sah ketika disoal siasat.

"Dalam kes gadis remaja ini, dia dihantar kerana turut mendakwa sebagai warga Filipina apabila gagal menunjukkan dokumen pengenalan serta butiran terperinci latar belakang keluarga serta alamat tempat tinggal," katanya.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai laporan gadis remaja berusia 13 tahun yang didakwa dirogol ketika ditahan di pusat tahanan sementara di sini, adalah rakyat Malaysia.

Kejadian itu menyebabkan wujud dakwaan berlaku kelemahan pemeriksaan oleh Jabatan Imigresen sehingga gadis remaja itu dihantar ke Zamboanga yang kemudian disusuli kontroversi terhadap hubungan Manila-Kuala Lumpur.

Semalam, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, Manila sewajarnya memohon maaf berikutan tuduhan melulu terhadap kerajaan berkaitan gadis remaja itu.

Abdullah Sani juga memberikan contoh kes pada tahun lalu apabila seorang bapa dan anak lelaki mendakwa sebagai warga Filipina dan meminta dihantar pulang selepas gagal menunjukkan dokumen pengenalan diri ketika ditahan.

Bagaimanapun, selepas beberapa ketika di negara berkenaan, mereka memaklumkan kepada pihak berkuasa Filipina bahawa mereka sebenarnya rakyat Malaysia dan masih ditahan di pusat tahanan sementara di Menggatal untuk siasatan lanjut latar belakang mereka.